

## UIAM BERHUAH

Oleh  
Dr. Zurina Abd. Ghani dan  
Prof. Madya Dr. Norhayati  
Mohd. Alwi

**S**EBAGAIMANA kita sedia maklum, universiti amat terkesan dengan pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia pada hari ini. Kestabilan institusi terjejas disebabkan gangguan pandemik ini terutamanya dalam bidang pengajaran dan pembelajaran serta pengambilan pelajar antarabangsa.

Pada waktu genting sebegini, kepemimpinan sesebuah universiti mendepani ujian ketahanan yang tinggi demi kelangsungan operasi. Cabaran ini menguji sejauh mana kepemimpinan universiti menyusun semula strategi dalam memastikan kelangsungan peranan seiring dengan suasana semasa.

Justeru, dalam era pascapandemik ini kita melihat universiti sangat memerlukan kepemimpinan yang berwibawa, berkaliber serta mampu membawa kesejahteraan kepada komuniti.

Secara fitrahnya, manusia dilahirkan dengan naluri dan kalbu yang bersih dan cintakan kebahagiaan, kecantikan, kerukunan dan semua yang terbaik yang mendorong ke arah mencapai kesejahteraan.

Untuk melahirkan insan sejahtera, universiti memainkan peranan yang penting. Pemikiran dan hala tuju pemimpin universiti menjadi akar umbi bagi merealisasikan manusiawi yang kembali kepada fitrah tersebut.

Justeru, konsep ‘kepimpinan sejahtera’ yang berlandaskan kerangka nilai-nilai khalifah oleh Imam Al-Ghazali adalah sejarah dan tepat apabila disuntik dengan 10 ciri-ciri sejahtera iaitu intelek, phisiopsikologikal, kognitif, spiritual, emosi, etika yang berada dalam ruang lingkup ekologi, sosial, ekonomi dan budaya.

### JAGUH

Ciri-ciri ini membawa kepada individu yang menterjemahkan insan sejahtera yang berjaya iaitu *al-falah*, sebagaimana seorang Muslim menunaikan kewajipan solat, bukan hanya untuk melepaskan tanggungjawab yang wajib ke atas dirinya akan tetapi, ia adalah matlamat dan maksud hidup untuk



UNIVERSITI Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mempelopori usaha penerapan nilai-nilai murni dalam aspek kepimpinan. - FACEBOOK UIAM

# Universiti pasca Covid-19

**“**  
**Pemimpin sejahtera dapat membawa universiti mencapai matlamat membentuk graduan sejahtera yang terdidik secara bersepadu dan menyeluruh selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.”**

menjadi seorang yang lebih baik, lebih berjaya dari hari sebelumnya, dan membawa makna kehidupan kepada diri dan komuniti.

Bagi merealisasikan konsep sejahtera tersebut, seorang pemimpin perlu mempunyai sifat *tawadhu'* (*humility*), integriti dan kompetensi

yang didambakan sesuai dalam konteks dan waktu yang tertentu. Ini perlu bagi mengelakkan kepimpinan yang dimomok umpama pepatah Melayu, “seperti ketam mengajar anaknya berjalan betul”.

Seorang pemimpin perlu dilihat sebagai seorang yang *walk the talk* dan *lead by example*. Pemimpin sejahtera perlu mempunyai integriti tinggi sehingga mampu mentadbir universiti secara telus dan penuh dengan peradaban. Ini bukanlah bermakna universiti memerlukan seorang pemimpin yang maksum.

Tetapi ia sekadar menegaskan bahawa seorang pemimpin sejahtera tidak akan disangsi dari segi kredibiliti dan kewibawaannya. Selain sifat *tawadhu'* dan integriti, kompetensi seorang pemimpin hendaklah selaras dengan keperluan profesionalisme sejarah dengan bidang tujuan universiti tersebut bagi memastikan kelestarian organisasi.

Beliau harus berupaya untuk menentukan visi dan misi yang strategik dan jelas dan berupaya menggerakkan warga universiti agar mempunyai iltizam yang sama dan berusaha untuk menjayakan pelan strategik institusi dengan

bekalan kompetensi teras dan kompetensi fungsian yang diterap dengan nilai-nilai murni.

Melihat kepada situasi pascapandemik, universiti dilihat sebagai jaguh dan platform rujukan dalam menjayakan ‘pendidikan untuk peningkatan peradaban manusia’ dan ‘pendidikan untuk pembangunan lestari’. Ia memerlukan seorang pemimpin yang bukan hanya memastikan keuntungan dari segi kewangan dan ‘ranking’.

Perbezaan kepimpinan dahulu dan sekarang juga memerlukan senarai kompetensi yang lebih mantap terutamanya apabila kita berhadapan dengan situasi yang ketidaktentuan, ketidakpastian, kerumitan dan kecaburan fenomena dalam pasca pandemik ini seperti sifat empati, belas dan ketahanan yang tinggi yang mendorong kepada kepimpinan manusiawi.

### KERJASAMA

Akhirnya, apa yang diharapkan adalah supaya pemimpin sejahtera dapat membawa universiti mencapai matlamat membentuk graduan sejahtera yang terdidik secara bersepadu dan menyeluruh selaras dengan Falsafah

Pendidikan Kebangsaan (FPK) serta mampu menjadi pemimpin yang akan memacu kesejahteraan ummah, negara dan dunia.

Pemimpin yang bakal menjadi ejen transformasi untuk peningkatan tamadun manusiawi menjadi wadah utama. Hasilnya, graduan yang ‘sejahtera’ akan men’sejahterakan’ masyarakat sekitarnya dan bukan hanya melahirkan para ‘elitist’. Insan sejahtera ini akan mengepalai dan mendorong kepada peningkatan dan kemajuan masyarakat sekeliling dan negara amnya.

Dalam usaha untuk menjayakan hasrat ini, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mempelopori usaha penerapan nilai-nilai murni dalam aspek kepimpinan. UIAM bekerjasama rapat dengan Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (Akept) selaku agensi kerajaan yang membangun dan memperkasakan kepimpinan pendidikan tinggi di Malaysia dalam kerjasama projek *Sejahtera Leadership* yang sedang berlangsung sekarang.

PENULIS dari Pejabat Strategi dan Perubahan Institusi UIAM.